



JABATAN BENDAHARI • BURSAR'S DEPARTMENT

Rujukan: UKM BEN 400-3/15/3

Tarikh: 1 Oktober 2020


Dekan/ Pengarah/ Ketua  
Fakulti/ Institut/ Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**YURAN PROGRAM PENGAJIAN PASCA SISWAZAH MOD KERJA KURSUS (SEPARUH MASA)  
SESI 2020/2021**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 4/2019 bertarikh 12 Disember 2019 telah meluluskan kadar yuran baharu pengajian Pasca Siswazah Mod Kerja Kursus (Separuh Masa) mulai sesi 2020/2021. Struktur yuran baharu ini ditetapkan berdasarkan program pengajian berbanding sebelum ini berdasarkan fakulti.
3. Untuk makluman Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, semakan kadar yuran baharu bertujuan untuk memastikan kadar yuran Universiti adalah kompetitif, mengurangkan subsidi khususnya kepada pelajar luar negara dan penetapan asas kadar yuran yang lebih sistematik.
4. Sehubungan dengan itu, semua Fakulti/ Pusat/ Institut perlu mengemaskini kadar yuran baharu ini di laman sesawang berdasarkan kadar yuran baharu yang telah diluluskan ini (rujuk Lampiran 1 Struktur Kadar Yuran Program Pengajian Pasca Siswazah Mod Kerja Kursus (Separuh Masa) Mulai Sesi 2020/2021).
5. Edaran ini perlu dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil. 7/2020. Terdapat pindaan pada Pekeliling Bendahari Bil. 7/2020 di mana yuran perkhidmatan dalam lampiran Yuran Program Pengajian Pasca Siswazah (Mod Kerja Kursus) Sesi 2020/2021; iaitu yuran perkhidmatan bagi pelajar antarabangsa dikurangkan sebanyak RM130 atas faktor insurans bagi pelajar antarabangsa akan di ambil alih oleh *Education Malaysia Global Services (EMGS)* kelak.




Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan untuk tindakan selanjutnya. Kerjasama Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.


"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,



**NORINI BINTI MOHAMAD**  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat)
  - Pro Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat)
  - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
  - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
  - Pendaftar



BAHAGIAN HASIL, JABATAN BENDAHARI, ARAS 7, BANGUNAN PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK, LINGKUNGAN KE-2  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8911 8174/8175/8176/8177/8183/8184/8185 E-mel: ukpbendahari@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari